

06 NOV 1999

Najib-Fitnah

TINDAKAN AGRESIF UMNO PERBETULKAN PRASANGKA BURUK, KATA NAJIB

PEKAN, 6 Nov (Bernama) -- Pelancaran Operasi Membasmi Fitnah merupakan tindakan Umno untuk memperbetulkan segala prasangka buruk yang dilemparkan pihak tertentu selama ini, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya, menerusi operasi itu Umno akan bertindak balas secara agresif dan lebih menyeluruh dalam usahanya memerangi fitnah yang dilemparkan oleh pembangkang berdasarkan garis panduan yang diberikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kerana mereka (pembangkang) banyak menaburkan pembohongan dan menyelewengkan fakta sehingga banyak pihak yang percaya serta menganggap kerajaan melakukan banyak perkara yang tidak betul," katanya kepada pemberita di sini.

Sebelum itu, beliau menghadiri pelancaran sambutan satu abad Sekolah Kebangsaan Seri Biram di sini oleh Sultan Pahang.

Najib diminta mengulas mengenai pelancaran operasi itu yang dikenali sebagai Ops 7M bagi memerangi tujuh perkara yang seringkali dilakukan pembangkang iaitu memfitnah, membohong, memaki hamun, mencarut, membenci orang lain, menyangka buruk dan menghasut.

Katanya, walaupun kempen penerangan bagi memberikan penjelasan tentang fitnah yang ditaburkan pembangkang sudah berjalan tetapi ia dipertingkatkan selepas pelancaran ops berkenaan oleh Dr Mahathir semalam.

Beliau berkata pada hakikatnya rakyat seharusnya lebih teliti kepada pendedahan yang dibuat oleh bekas penolong gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid berkaitan cara yang digunakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menaikkan imejnya di peringkat antarabangsa.

"Pembongkaran seperti ini kita harap akan menyedarkan rakyat jelata untuk terus bersama kerajaan menegakkan dasar-dasar kita dan memberikan sokongan padu kepada pucuk pimpinan dan kerajaan," kata beliau.

-- BERNAMA

ROS AKD